



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

---

**Bilangan 2 Tahun 2015**

**PENDAFTARAN PROJEK PERUNDINGAN DI BAWAH UNIT PERUNDINGAN,  
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC), INSTITUT PENGURUSAN  
PENYELIDIKAN & INOVASI (IRMI), UITM**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kewajipan staf Universiti Teknologi MARA untuk mendaftarkan projek perundingan di Pusat Tanggungjawab seperti berikut:
  - i. UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Selangor di bawah Unit Perundingan RMC IRMI, UITM
  - ii. Lain-lain cawangan UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, pendaftaran dilakukan di cawangan yang dipertanggungjawabkan.

**LATAR BELAKANG**

2. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] memperuntukkan bahawa seorang staf tidak boleh melakukan pekerjaan luar melainkan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.
3. Unit Perundingan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI) merupakan Pusat Tanggungjawab yang mewakili UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Selangor dan berfungsi untuk menguruskan projek perundingan iaitu kerja luar yang dijalankan oleh staf UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Selangor.

4. Dasar dan garis panduan perundingan semasa telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke 155 pada 30 Julai 2013. Dasar dan garis panduan ini untuk diguna pakai oleh staf UiTM dalam menjalankan kerja-kerja perundingan.

5. Dasar dan garis panduan mewajibkan staf mendaftarkan projek perundingan setelah mendapatkan kelulusan rasmi dari Ketua Jabatan secara bertulis selari dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

#### **PELAKSANAAN**

6. Pekeliling ini digubal berasaskan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan mewajibkan staf yang menjalankan kerja luar (projek perundingan) untuk berdaftar dengan PTJ yang dipertanggungjawabkan mengikut dasar dan garis panduan sedia ada.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

7. Pekeliling dikeluarkan pada **01 Julai 2015**.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 April 2015**.

#### **PEMAKAIAN**

9. Pemakaian pekeliing ini adalah untuk seluruh sistem Universiti Teknologi MARA.

Yang benar



**PROF. IR. DR. ABDUL RAHMAN OMAR, JSM**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

*Dikelilingkan Kepada*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-dekan Fakulti  
Semua Rektor-rektor Kampus Negeri*

<sup>1</sup> Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bil 1/2015

<sup>2</sup> Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah UiTM ke-135, Bil. 5, Perkara D2802

<sup>3</sup> Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) Bil 4/2005

<sup>4</sup> Pekeliling Pendaftar Bil 2/2013

<sup>5</sup> Seksyen 4, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan surcaj) 2000 [Akta 605]